

SOAL & JAWAB
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

1. S : **Apakah peranan Unit Teknologi Maklumat?**

J : Unit Teknologi Maklumat berperanan untuk menyediakan sistem maklumat berkomputer bagi menyokong keperluan pentadbiran dan pengurusan di Bahagian Sumber Manusia. Unit ini turut bertindak sebagai pemangkin dalam usaha meningkatkan profesionalisme pentadbiran dengan memperkenalkan budaya kerja berkonsep ICT di Bahagian Sumber Manusia.

2. S : **Apakah skop tugas utama unit?**

J :

- Melaksanakan Pembangunan Baharu Dan Naiktaraf Aplikasi
- Menguruskan Aduan Aplikasi
- Menguruskan Penyediaan Maklumat / Data
- Melaksanakan Penyelenggaraan Laman Web
- Menguruskan Penyediaan Akaun Pengguna Sistem
- Menguruskan Kebenaran Akses Pengguna Sistem
- Menguruskan Penyediaan Dan Penghantaran Data Mymohes
- Menguruskan sistem HRMIS
- Menguruskan Penyediaan & Penghantaran Data MyRA

3. S : **Di manakah hebahan berkenaan iklan kekosongan jawatan boleh dicapai?**

J : Hebahan berkenaan iklan kekosongan jawatan boleh dicapai di alamat <https://bsm.upsi.edu.my>.

4. S : **Bagaimanakah seorang staf yang baru lapor diri ingin mendapatkan ID Pengguna untuk tujuan login ke <https://unistaff.upsi.edu.my/>?**

J : Staf yang baru lapor diri akan menerima ID Pengguna yang telah didaftarkan dengan manual pengguna penggunaan *MyUPSI Staff Portal* dalam tempoh 3 hari berkerja.

5. S : **Sekiranya terdapat sebarang aduan berkenaan sistem UniHRIS bagi Modul HR, apakah yang perlu dilakukan?**

J : Staf boleh mengisi borang aduan aplikasi (B-ICT 1/1) atau borang pindaan aplikasi (B-ICT 1/4) yang boleh didapati di Unit Teknologi Maklumat.

6. S : **Mengapakah maklumat yang telah dikemaskini tidak dapat dipaparkan dalam sistem HRMIS?**

J : Maklumat yang dikemaskini perlu mendapat pengesahan daripada Pegawai Pengesah Rekod di PTj terlebih dahulu. Sila rujuk Pegawai Pengesah Rekod di PTj masing-masing untuk sahkan maklumat peribadi yang dikemaskini.

7. S : **Adakah staf perlu mengemaskini maklumat keluarga dalam sistem HRMIS?**

- J : Ya, kerana eGL (surat jaminan elektronik) yang akan dijana di klinik/hospital kerajaan memerlukan maklumat keluarga (jika pesakit adalah keluarga pegawai).
8. S : **Kenapakah status perkahwinan dalam sistem HRMIS masih lagi bujang walaupun telah berkahwin?**
- J : Staf perlu mengemaskini maklumat pasangan dalam sistem HRMIS terlebih dahulu, barulah status perkahwinan akan berubah kepada “Berkahwin”.
9. S : **Bagaimanakah pengguna ingin log masuk ke sistem HRMIS bagi pengguna kali pertama?**
- J : Bagi pengguna kali pertama, klik pada “Lupa Kata Laluan” untuk set semula kata laluan di laman utama HRMIS 2.0.
- a) Sila pilih kaedah untuk set semula kata laluan menggunakan Emel Rasmi.
 - b) Sila masukkan ID Pengguna HRMIS (No. Kad Pengenalan) dan kod yang dipaparkan. Kemudian, tekan butang HANTAR.
 - c) Pengguna akan diminta untuk reset kata laluan melalui hantaran ke emel rasmi.